



GARIS PANDUAN PEMBINAAN BUMBUNG SEMENTARA UNTUK TEMPAT LETAK KENDERAAN

Bumbung tempat letak kenderaan yang terletak di kawasan perumahan hak milik strata, bangunan komersial, bangunan industri dan tapak kosong (swasta) boleh, dibenarkan dibina atau dikekalkan dengan syarat-syarat seperti berikut :-


- i) Pembinaan bumbung tempat letak kenderaan yang melepas garisan bangunan dan garisan anjakan adalah dianggap sebagai **struktur sementara** sahaja.
- ii) Pembinaan bumbung tempat letak kenderaan ini tidak boleh menimbulkan kacau ganggu kepada lot bersebelahan. Talang (gutter) dan saluran tegak (downpipe) yang sempurna hendaklah disediakan jika bumbung mencuram ke arah lot sempadan tanpa setback minimum 750mm daripada dinding sempadan lot. (seperti Lampiran A)
- iii) Ruang di bawah bumbung hendaklah bebas dari sebarang sekatan-sekatan. Pembinaan sebarang struktur selain dari tiang bagi bumbung tidak dibenarkan.
- iv) Ruang tempat letak kenderaan hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan dijadikan sebagai ruang lain.
- v) Semua bahan pembinaan yang digunakan hendaklah mengikut standard SIRIM dan disahkan oleh pihak "Principal Submitting Person" (PSP)
- vi) Jurutera bertauliah perlu mengesahkan kestabilan dan kekuahan pembinaan.
- vii) Pelan bangunan yang sempurna hendaklah dikemukakan oleh arkitek / jurutera perunding untuk pertimbangan Majlis.
- viii) Kebenaran dari lot berjiran hendaklah diperolehi di atas pelan bangunan bagi semua cadangan baru.
- ix) Yuran pemohonan hendaklah dibayar RM100.00 sahaja dikenakan bagi setiap permohonan pelan bangunan
- x) Yuran pemohonan sebanyak RM1000.00 bagi kerja-kerja telah / sedang dijalankan selepas garis panduan ini dikuatkuasa iaitu 01.10.2020 sebelum pelan bangunan dikemukakan.
- xi) Bagi tempat letak kenderaan bersifat komersial (tapak kosong dll), yuran pelan hendaklah dibayar mengikut kadar yang ditetapkan dalam Seksyen 29 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Jadual Pertama) dan bayaran kompaun mengikut garis panduan MBPP.
- xii) Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa dari 01.10.2020



MINIMUM JARAK 750MM DARIPADA DINDING SEMPADAN LOT SERTA PEMASANGAN GUTTER / DOWNPipe TIDAK DIPERLUKAN



GUTTER & DOWNPipe DIPERLUKAN SEKIRANYA JARAK SRTUKUR ANTARA SEMPADAN LOT KURANG DARIPADA 750MM



JARAK 750MM DARIPADA SEMPADAN LOT SERTA PEMASANGAN GUTTER / DOWNPipe TIDAK DIPERLUKAN